



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Tajuk: Hentikan Keganasan

Nilai Teras: Kasih sayang

Masa: 1 jam

SK: 1.17 Membaca ayat 29 surah an-Nisa' dengan betul, lancar serta bertajwid dan merumus kefahaman ayat serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah

SP: 1.17.3 Menyatakan kepentingan memelihara dan menghargai harta serta nyawa.
1.17.4 Menjelaskan larangan mengambil dan menggunakan harta secara batil.
1.17.5 Menjelaskan larangan membinasakan diri dan orang lain.

Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menyenaraikan peraturan dan undang-undang untuk mengurangkan kemusnahan akibat konflik bersenjata.
2. Menerangkan pengetahuan tentang keamanan sejagat.
3. Menghuraikan kebaikan menjalinkan hubungan yang baik antara negara.

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan dan diberikan tajuk berikut:
 - Kumpulan 1: Maksud harta dan nyawa sebagai amanah.
 - Kumpulan 2: Peraturan dan undang-undang untuk mengurangkan kemusnahan harta dan nyawa.
 - Kumpulan 3: Larangan mengambil dan menggunakan harta secara batil untuk keamanan sejagat.
 - Kumpulan 4: Larangan membinasakan diri dan orang lain untuk menjalinkan hubungan yang baik.
2. Murid berbincang dalam kumpulan dan menyediakan bahan dan membuat pembentangan di hadapan kelas.
3. Guru menilai hasil pembentangan murid.

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diminta membuat peta minda tentang kepentingan memelihara dan menghargai harta dan nyawa.
3. Murid membuat sumbang saran dalam kumpulan masing-masing tentang topik yang diberikan.
4. Murid membentangkan tugasan di hadapan kelas.

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)